

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/1993

April 1993

SBU400 - Seminar Pembangunan Lanjutan

Masa: (3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi dua muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan. Tiap soalan membawa markah yang sama (100 markah).

1. Pada asasnya teori pembangunan berkait rapat dengan masalah nilai dan paradigma. Bincangkan.  
(100 markah)
  
2. Perubahan struktur ekonomi membezakan negara-negara perindustrian baru daripada negara Dunia Ketiga yang lain. Huraikan maksud perubahan struktur ekonomi dan dengan menggunakan contoh-contoh tertentu bincangkan bagaimana negara-negara tersebut mencapai pertumbuhan dan kemajuan.  
(100 markah)
  
3. Gunder Frank dan Bill Warren bertentangan pendapat tentang pembangunan Dunia Ketiga. Bolehkah kamu pertahankan perbezaan ini? Gunakan contoh-contoh tertentu dalam jawapan kamu.  
(100 markah)

...2/-

4. Sejarah pembangunan negara maju berkait rapat dengan pembentukan demokrasi politik. Dengan menggunakan contoh-contoh, bincangkan setakat manakah sistem politik ini penting untuk pembangunan negara perindustrian baru?  
(100 markah)
  
5. Masalah pengangguran, kebajikan pekerja dan pembangunan sosial adalah sebahagian penting masalah pembangunan di Dunia Ketiga. Setakat manakah negara-negara perindustrian baru berjaya menyelesaikan masalah-masalah tersebut?  
(100 markah)
  
6. Isu-isu ideologi dan etnisiti sangat menonjol dalam pembangunan Dunia Ketiga. Dengan menggunakan contoh, bincangkan setakat manakah perkara ini menyokong proses pembangunan?  
(100 markah)
  
7. Kemunculan negara perindustrian baru mengesahkan pembangunan kapitalisme di Dunia Ketiga. Apakah kelebihan sistem ekonomi pasaran di Dunia Ketiga berbanding dengan sistem ekonomi terkawal (sosialis)?  
(100 markah)

- oo oo oo -